



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

**KERATAN AKHBAR  
12 Jun 2019 (RABU)**



**DISEDIAKAN OLEH :  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	JALAN MENDAP SELEPAS HUJAN LEBAT
MUKA SURAT	20

## Jalan mendap selepas hujan lebat

**RAWANG** - Jalan Puteri 3 berhampiran lorong masuk ke Desa Puteri, Bandar Tasik Puteri di sini terpaksa ditutup susulan jalan mendap sehingga membentuk takungan air di jalan menghalau Blok 3, sejak jam 2 petang semalam.

Ahli Majlis Zon 18 Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Choy Pooi Yee berkata, hujan lebat sejak jam 1.30 petang itu antara punca berlakunya mendapan tersebut.

Bagaimanapun katanya, insiden itu tidak melibatkan mangsa atau kerosakan harta benda disebabkan disedari sejak awal.

"Hujan lebat dan berterusan itu menyebabkan mendapan tanah yang sedikit mulai merebak dan semakin teruk sehingga merosakkan struktur

jalan.

"Atas faktor keselamatan, jalan itu terpaksa ditutup kerana terdapat aliran air bawah tanah menyebabkan ketidakstabilan atas jalan itu," katanya.

Katanya, kejadian tersebut telah dimaklumkan kepada pihak bomba dan jabatan berkaitan untuk tindakan selanjutnya.

"Difahamkan kerja penyelenggaraan masih di bawah tanggung jawab pemaju kerana pengurusannya belum diserahkan kepada MPS.

"Sebarang perkembangan baik pulih dan keselamatan jalan tersebut akan dikemas kini dari semasa ke semasa. Pengguna dinasihat menggunakan jalan alternatif sebagai langkah keselamatan," katanya.



Keadaan jalan mendap di Jalan Puteri 3 selepas hujan lebat semalam.



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	TNB SELESAI ADUAN, JALAN DITURAP SEGERA
MUKA SURAT	20

## TNB selesai aduan, jalan diturap segera

SHAH ALAM - Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengambil tindakan segera dengan menurap semula jalan di Seksyen 16 yang dikorek untuk kerja menanam kabel 132KV.

TNB dalam satu kenyataan semalam berkata, langkah itu diambil bagi memastikan jalan tersebut selamat digunakan oleh pengguna jalan raya.

Kenyataan itu menyebut, kerja penurapan oleh kontraktor dilantik telah selesai dilakukan.

"Pihak kontraktor mematuhi langkah-langkah keselamatan termasuk memasang tali beserta suar, kon serta papan tanda keselamatan di kawasan terlibat sepanjang kerja penurapan semula dilakukan.

"Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) telah dimaklumkan bahawa kerja-kerja penurapan semula telah pun dilaksanakan dengan sempurna," katanya.

*Sinar Harian* dalam laporan 'Turapan Tak Sempurna Punca Jalan Teruk' semalam berkongsi kebimbangan pengguna menggunakan laluan itu yang sedang dalam kerja



Proses menurap semula jalan di Seksyen 16 Shah Alam selesai.

penyelenggaraan oleh TNB.

Terdahulu, tular video berdurasi seminit menunjukkan kawasan tersebut pada waktu malam yang sangat gelap dan hanya terdapat beberapa kon diletakkan di situ.

Video turut memaparkan keadaan papan tanda pemakluman kerja TNB disandarkan di tepi pokok berdekatan jalan dan terdapat longgokan batu tar dilihat bertaburan di tepi dan atas jalan.



Laporan Sinar Harian semalam berhubung aduan awam yang kecewa dengan turapan jalan yang tidak sempurna.



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	PADAH HALANG LALU LINTAS
MUKA SURAT	21

# Padah halang lalu lintas

Operasi bersepadu saman 122 pesalah trafik

ASYRAF MUHAMMAD

SUBANG JAYA

Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Daerah Subang Jaya melaksanakan operasi bersepadu di kawasan SS15 bagi mengambil tindakan terhadap pemilik kendaraan yang menghalang laluan di kawasan itu.

Timbalan Pengarah Korporat, Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik MPSJ, Azfarizal Abdul Rashid berkata, operasi itu dilaksanakan susulan aduan kesekanan yang diterima disebabkan sikap segelintir pengguna yang sering meletak kendaraan secara bertindan serta mengha-



lang laluan.

Beliau berkata, menerusi operasi itu juga, sebanyak 122 saman POL 170A telah dikeluarkan kepada pesalah trafik atas pelbagai kesalahan.

"Malah MPSJ turut mengambil tindakan di lokasi di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987, Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Ke-

reta) Majlis Perbandaran Subang Jaya Pindaan 2011.

"Sebanyak 12 Notis Tawaran Kompaun dikeluarkan, 10 tindakan kapit kenderaan (clamping) serta dua kenderaan ditunda ekoran melakukan kesalahan lalu lintas," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mengulas lanjut, Azfarizal berkata, seramai 16 anggota pe-

nguatuusa MPSJ, dua Pegawai Trafik dan 12 anggota polis telah mengikuti operasi bersepadu itu yang bermula jam 12 tengah hari hingga 1 petang.

Menurutnya, MPSJ meminta pemilik kendaraan untuk lebih mematuhi peraturan lalu lintas ditetapkan bagi mengelakkan tindakan penguatuasaan dikenakan terhadap mereka.



## KERATAN AKHBAR 12 JUN 2019 (RABU)



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	MPS PERLU PANDANGAN AWAM
MUKA SURAT	21

### MPS perlu pandangan awam

**SELAYANG** - Majlis Perbandaran Selayang (MPS) mengajak orang awam turut serta dan memberikan pandangan dalam Belanjawan MPS 2020.

Pengarah Jabatan Korporat MPS, Mohamad Zin Masoad berkata, cadangan boleh dikemukakan melalui borang atas talian sejak 7 Jun lalu sehingga 23 Jun depan.

“Pandangan serta input orang ramai diperlukan bagi memastikan belanjawan yang dirangka adalah komprehensif dan memenuhi keperluan semua pihak.

“Layari [www.mps.gov.my](http://www.mps.gov.my) atau menghubungi talian 03-6126 5824 untuk maklumat lanjut,” katanya.



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	TERIKAT PERJANJIAN 20 TAHUN
MUKA SURAT	24

# Terikat perjanjian 20 tahun

**Kontrak yang ditandatangani April 1999 perlu dikaji semula**

ARZIANA MOHMAD AZAMAN

KUALA SELANGOR

Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) bersetuju mengadakan perbincangan bersama pihak kontraktor bagi mengkaji semula kontrak perjanjian pelaksanaan caj parkir di daerah ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Melawati, Juwairiya Zulkifli berkata, beliau sudah mengadakan pertemuan bersama pengurusan tertinggi MDKS berhubung bantahan penduduk dan wakil rakyat berkaitan caj tersebut.

"Hasil pertemuan,

Yang Dipertua MDKS akan berbincang dengan pihak kontraktor bagi menimbangkan perkara itu.

"Saya difahamkan, pihak berkuasa tempatan (PBT) itu terikat dengan kontrak yang ditandatangani pada 26 April 1999 lalu berkaitan pelaksanaan caj bayaran parkir di daerah ini.

"Ini kerana perjanjian selama 20 tahun itu sudah ditandatangani sebelum 2008 lagi," katanya selepas mengadakan perbincangan bersama Yang Dipertua MDKS, Rahilah Rahmat dan Ahli Majlis MDKS serta Pegawai Khas Ahli Parlimen Kuala Selangor, Maskor Tumiran.

Juwairiya yang juga Ketua PKR Cabang Kuala Selangor berkata, hanya MDKS dan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) sahaja yang masih belum melaksanakan caj parkir di negeri ini.

"Difahamkan, semua PBT di Selangor menanda-



Juwairiya (kanan) membincangkan isu bantahan caj parking bersama Rahilah (kiri) dan pengurusan tertinggi MDKS.

tangani kontrak kutipan parkir selama 20 tahun.

"Pihak MDKS juga memaklumkan tempoh dua bulan iaitu Jun dan Julai ini adalah untuk mendidik dan makluman kepada penduduk mengenai pelaksanaan caj itu," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Beliau memberitahu, penduduk tidak akan dikenakan denda dalam tempoh tersebut.

nakan denda dalam tempoh tersebut.

Pada pertemuan sama katanya, mereka turut membincangkan jika caj tempat letak kereta berbayar dapat ditunda kepada tarikh yang lebih sesuai.

"Selain itu, kami turut memohon MDKS mengurangkan kadar caj dari 50 sen kepada 30 sen atau 40

sen sejam.

"Bagi saya, lebih baik cadangan ini dilaksanakan selepas MDKS mencapai taraf perbandaran dan rakyat faham keperluan kadar caj terbabit."

"Sebab itu, kena lihat semula kadar bagi pelaksanaan buat pertama kali sesuai dengan keupayaan penduduk," katanya.

Jun dan Julai adalah tempoh pendidikan serta pemberitahuan, tiada caj dikenakan

Terdahulu, pengumuman pelaksanaan tempat letak kereta berbayar yang berkuat kuasa 1 Julai dibantah penduduk termasuk Puncak Alam dan Saujana Utama.

Penduduk mahu MDKS meneliti beberapa isu yang masih gagal diselesaikan termasuk kualiti perkhidmatan pembersihan yang kurang memuaskan.

Mereka juga mendakwa prasarana di Puncak Alam masih belum sempurna kerana tiada balai polis, balai bomba dan institusi perbankan.

Penduduk juga tidak berpuas hati kerana kawasan itu belum ada pejabat agensi kerajaan dan agensi penyedia utiliti.



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	PENGGUNA MENGELOH JALAN ROSAK
MUKA SURAT	33

# Pengguna mengeluh jalan rosak

Penduduk di Kampung Perigi Nenas gesa jalan dibaiki

AZIE YAHAYA

PELABUHAN KLANG



AZMIZAM



Jalan utama di Kampung Perigi Nanas mendapak sejak lima bulan lalu, sekali gus membahayakan nyawa pengguna terutamanya penunggang motosikal.

Penduduk di Kampung Perigi Nanas, di sini mengeluh berikutan kebanyakan jalan utama di kampung berkenaan rosak akibat lori yang membawa muatan berlebihan.

Mereka mendakwa keadaan itu berlaku sejak lima bulan lalu.

Penduduk, Linda Mohd Jamil, 30, berkata, jalan mendapak selain permukaan tidak rata dan berlubang membahayakan

pengguna terutama penunggang motosikal.

Katanya, setiap hari lori mengangkut tanah dan batu menggunakan jalan berkenaan untuk ke tapak projek perumahan berhampiran.

"Sebelum ini mendapan tidak serius tetapi kini semakin melebar dan beberapa kali kemalangan membabitkan motosikal," katanya ketika ditemui *Sinar Harian*, semalam.

Linda memberitahu, ketidaa lampu jalan juga antara punca kemalangan

dan berharap pihak berkuasa dapat membaiki kerobosan itu.

Seorang lagi penduduk yang mahu dikenali sebagai Abdul Wahid kesal kerana tiada tindakan segera bagi menyelesaikan masalah itu.

"Jalan ini adalah laluan utama penduduk kampung dan sekitarnya. Baru-baru

ini ada kereta terbasas dan hampir terlanggar motosikal kerana mengelak jalan mendapak.

"Lebih membahayakan apabila hujan kerana air bertakung di permukaan jalan dan menutup lubang.

Badan bukan kerajaan (NGO) Brotherhood meletakkan tanda jalan men-

dap dan rosak sebagai peringatan.

"Semoga usaha mereka dapat membuka mata semua pihak untuk membaiki pulih jalan itu dengan segera," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pelabuhan Klang, Azmizam Zaman Huri ber-

info

Penduduk dakwa berpuncu daripada lori yang mengangkut tanah

kata, kerja-kerja turapan di sebahagian jalan di kampung tradisi Pulau Indah akan dilaksanakan secara berperingkat.

"Kita faham masalah ini tetapi perlu tunggu peruntukan daripada pihak berkenaan.

"Sebelum ini kita pernah membaiki pulih jalan terbabit namun kerosakan berulang apabila lori lebih muatan berulang-alik ke projek perumahan berhampiran. Jadi kita berharap pemaju turut bertanggungjawab dengan perkara ini.

"Jangan lepas tangan dan mereka perlu menurap semula jalan rosak yang mengundang bahaya kepada pengguna lain," katanya.



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	BAIKI JALAN UTAMA
MUKA SURAT	35

# Baiki jalan utama

Ahli Parlimen peruntukkan RM40,000 kos baik pulih

AHMAD ISMADI ISMAIL

BALAKONG

**S**ebanyak RM40,000 diperuntukkan bagi kerja-kerja membaik jalan rosak di sekitar kawasan Zon 5 Majlis Perbandaran Kajang (MPKj).

Pegawai Khas Ahli Parlimen Bangi, Khoo Khim Han berkata, kerosakan membabitkan jalan utama Persiaran Bukit Belimbing, Persiaran Damai Perdana, Suadarmai, Persiaran Tun

Perak dan sebahagian Lorong Angsana 3.

Menurutnya, tindakan segera diambil Ahli Parlimen Bangi Dr Ong Kian Ming selepas menerima aduan daripada pengguna.

"Kos tambahan sebanyak RM10,000 juga diperuntukkan kerana kita mendapat dua lagi lokasi jalan berlubang yang baru di Jalan Persiaran Damai Perdana," katanya kepada media di sini semalam.

Turut hadir Ahli Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Chang Yee Chin dan Sun Kin Wah.

Khim Han berkata, pihaknya turut mencadangkan supaya kontraktor melebarkan sistem saliran di bahu jalan bagi mengejalkan air bertakung di atas



Khoo Khim Han (dua dari kiri) bersama Ahli Majlis MPKj meninjau keadaan jalan di Jalan Persiaran Damai Perdana di sini semalam.

jalan raya.

"Selain itu jentera berat termasuk lori kerap melalui jalan ini sehingga keadaan

jalan rosak teruk," katanya.

Beliau memberitahu, permohonan peruntukan Sistem Maklumat Rekod

Jalan Raya (Marris) dibuat sejak tahun lalu namun mungkin tidak mendapat kelulusan kerana beberapa

info

Kos tambahan sebanyak RM10,000 untuk dua lagi lokasi jalan berlubang

projek mega masih giat dilaksanakan kawasan itu.

Khim Han berkata, tindakan pantas Ahli Parlimen Bangi itu dapat meringankan beban pengurusan MPKj dalam usaha membaik pulih kerrosakan jalan utama.

"Bagaimanapun, pihak berkuasa tempatan (PBT) itu perlu memberi tumpuan terhadap aduan jalan berlubang di kawasan perumahan di Zon 5 MPKj demi keselesaan penduduk," katanya.